

HARI BERSAMA PELANGGAN JABATAN PENDAFTAR MERIAH

Jabatan Pendaftar

Sun 15/10/2017 3:53 PM

To:UUM - All Staff <uumnet@uum.edu.my>;



Jabatan Pendaftar

REGISTRAR'S OFFICE

Universiti Utara Malaysia

15 OKTOBER 2017
24 MUHARRAM 1439H



Pendaftar Online: Program Hari Bersama Pelanggan Jabatan Pendaftar Universiti Utara Malaysia (UUM) telah diadakan pada 11 & 12 Oktober 2017 bertempat di Varsity Mall Universiti Utara Malaysia. Program ini merupakan aktiviti tahunan Jabatan Pendaftar sebagai langkah membudayakan layanan mesra pelanggan di Jabatan Pendaftar di samping memberi peluang kepada kakitangan UUM mendapatkan maklumat secara terus serta mengemaskini profil diri masing-masing.

Pada hari berkenaan sebanyak sembilan kaunter telah dibuka merangkumi semua unit di dalam Jabatan Pendaftar. Setiap kaunter menerangkan peranan dan fungsi unit masing-masing. Para pelanggan boleh mendapatkan sebarang maklumat yang lebih terperinci dengan mengunjungi kaunter yang telah disediakan.

Jabatan Pendaftar mengharapkan pada masa akan datang lebih ramai kakitangan UUM dapat menghadirkan diri ke program tahunan ini.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.